

KONVENSYEN TAMAN BACAAN

Fahami isu pengganasan daripada sumber yang betul

Belia digesa berfikir secara kritis dan berwaspada terhadap apa yang dipapar menerusi Internet



MESEJ ANTIPENGGANASAN: Encik Halim gembira pelajar daripada pelbagai latar belakang berpeluang mendengar pandangan pakar, termasuk Dr Rohan Gunaratna, mengenai isu pengganasan, yang tidak semestinya dikaitkan dengan agama Islam sahaja. - Foto-foto M.O. SALLEH

16 Mar 2015

NUR ADILAH MAHBOB

DAPATKAN maklumat mengenai pengganasan daripada sumber berwibawa, gesa Presiden Taman Bacaan Pemuda Pemudi Melayu Singapura, Encik Abdul Halim Kader, kepada belia.

"Penting bagi belia mendengar sendiri daripada pakar mengenai bahaya pengganasan agar mereka tidak mudah terpengaruh dengan maklumat songsang di media sosial," ujar Encik Halim.

Beliau berkata demikian kepada Berita Harian selepas satu konvensyen belia diadakan di Politeknik Republik untuk menangani ideologi pelampau.

Acara itu dianjurkan Taman Bacaan dengan kerjasama Jagaan Susul Kumpulan Antara Agensi (ACG) dan disokong Kementerian Ehwat Dalam Negeri (MHA).

Seramai 350 belia daripada madrasah, maktab rendah, politeknik hingga universiti menghadiri acara setengah hari itu.

"Kami tidak menjangkakan sambutan yang begitu menggalakkan hingga kami terpaksa tukar tempat yang lebih besar.

"Kami gembira acara itu turut dihadiri pelajar berbilang kaum," ujar Encik Halim.

Konvensyen setengah hari itu menampilkan beberapa pakar isu penganasan dan keselamatan, termasuk Dr Rohan Gunaratna sebagai penyampai ucaptama.

Menteri Negara (Pembangunan Negara merangkap Pertahanan), Dr Mohd Maliki Osman, ialah tetamu terhormat acara.

Dr Rohan merupakan profesor kajian bidang keselamatan di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS) dan ketua Pusat Antarabangsa bagi Keganasan Politik dan Penyelidikan Terorisme di Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Antara lain, beliau berkata penganasan boleh wujud dan menyusup masuk pelbagai kumpulan agama, bukan Islam sahaja.

Seorang lagi pakar keselamatan, Profesor Madya Kumar Ramakrishna, berkata beliau mesti bersikap kritis dan tidak mudah terpengaruh dengan apa yang dibaca menerusi Internet.

"Pendidikan dan latar belakang keluarga yang baik bukan pelindung daripada idea pelampau. Ada keperluan untuk berfikir secara kritikal dan celik digital ('digital literacy')," ujar Dr Kumar.

Beliau merupakan Ketua Pusat Kecemerlangan bagi Keselamatan Negara (CENS) di RSIS.

Belia juga perlu hati-hati dengan apa yang dibaca kerana kadang kala, hujah penganas 'masuk akal' juga, kata zamil penyelidikan bersekutu RSIS NTU, Cik Nur Azlin Mohamed Yasin.

"Mereka kata: 'Ramai orang yang mati di Syria dan mereka perlu dibantu. Ini benar.

"Tetapi, kemudian mereka kata: 'Untuk membantu orang Syria, penganasan harus dilakukan.' Itu tidak betul.

"Apa yang amat berbahaya adalah apabila mereka campur aduk kebenaran dan pembongkaran," ujar Cik Nur Azlin.

Juruanalisis kanan RSIS, Ustaz Ahmad Saiful Rijal Hassan, berkongsi pengalaman menyelidik golongan pelampau di beberapa kawasan seperti Afghanistan, Yaman, Mesir dan Palestin.

"Saya telah bertemu beberapa individu (pelampau) ini. Percayalah, mereka bukan orang yang 'cool'. Oleh sebab itu, awaslah jika anda berhubung dengan orang seperti ini di Internet," ujarinya.

Peserta konvensyen, Encik Firdaus Iskandar, akui kemahiran kumpulan militan seperti ISIS menggunakan media sosial.

"Mereka tahu cara mendekati beliau dan memaparkan video penuh aksi dan gimik.

"Saya bimbang ini akan mempengaruhi beliau terutama sekali jika ia tersebar luas di Internet," ujar mahasiswa bidang ekonomi Pendidikan Global SIM (SIM GE) itu.

Encik Azmoon Ahmad, pengerusi ACG dan Pengerusi Angkatan Karyawan Islam (AMP) turut berucap dalam konvensyen tersebut.

APA KATA PENCERAMAH LAIN

"Pendidikan dan latar belakang keluarga yang baik, bukan pelindung daripada idea pelampau. Ada keperluan untuk berfikir secara kritikal dan celik digital (digital literacy). Teliti apa yang dikatakan di dalam atau luar talian, dan usah mudah terpengaruh."

- Ketua Pusat Kecemerlangan bagi Keselamatan Negara (CENS), Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS), Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Profesor Madya Kumar Ramakrishna, mengenai risiko pengaruh ideologi pelampau

"Ada hujah (golongan pelampau) kadang-kadang masuk akal. Contohnya, mereka kata: 'Ramai orang yang mati di Syria dan mereka perlu dibantu'. Ini benar. Tetapi kemudian mereka kata: 'Untuk membantu orang Syria, penganasan harus dilakukan'. Itu tidak betul. Apa yang amat berbahaya adalah apabila mereka campur aduk kebenaran dan pembohongan."

- Zamil penyelidik bersekutu RSIS, Cik Nur Azlin Mohamed Yasin, mengenai penggunaan media sosial dalam menyebarkan ideologi pelampau.

"Saya telah pergi ke kawasan konflik seperti Afghanistan, Yaman, Mesir dan Palestin sebagai penyelidik. Saya bertemu sendiri beberapa individu (pelampau) ini. Percayalah, mereka bukan orang yang 'cool'. Oleh sebab itu, awaslah jika anda berhubung dengan orang seperti ini di Internet."

- Juruanalisis Kanan di RSIS, NTU, Ustaz Ahmad Saiful Rijal Hassan, berkongsi pengalamannya menyelidik golongan pelampau.
